



03 JUL, 2025

Projek kini siap 90 peratus



Harian Metro, Malaysia

Projek kini siap 90 peratus

Gua Musang: Projek penempatan baharu bagi penduduk Orang Asli Pos Pulat yang terbabit dengan Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri di Plot A mencapai 90 peratus siap.

Projek yang bakal menempatkan 93 keluarga Orang Asli itu turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk seko-lah dan ladang.

Penduduk, Alek Itam, 71, berkata, penduduk kam-pung dibawa ke penempatan baharu itu dan dia sangat berpuas hati dengan kemajuan projek terbabit.

Katanya, mereka yang tinggal di Pos Pulat sudah bersedia berpindah dan tinggal di rumah lebih selesa dengan kemudahan lebih baik.

"Perjalanan dari Pos Pulat ke perkampungan baharu kira-kira setengah jam perjalanan menggunakan motosikal.

"Kami gembira apabila rumah baharu yang dijan-jikan sudah dibina. Ketika ini kami hanya menunggu arahan pihak TNB untuk berpindah," katanya di Pos Pulat, di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk,

Ani Adam, 51, berkata, suasana di kawasan perkam-pungan baharu dibina oleh pihak TNB sangat berbeza dengan Pos Pulat, namun percaya dapat menyesuaikan diri dengan mudah.

Katanya, di perkampungan baharu kira-kira setengah jam perjalanan lengkap termasuk jalan berturap.

"Kami juga dijanjikan de-negan pemberian ladang getah yang kini sudah ditanam dan hanya menunggu masa menuai hasil," katanya.

Sementara itu, Ahli De-wan Undangan Negeri (Adun) Nenggiri, Mohd Az-



PROJEK penempatan baharu bagi penduduk Orang Asli Pos Pulat yang terbabit dengan Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri di Plot A bakal menempatkan 93 keluarga Orang Asli.

mawi Fikri Abdul Ghani berkata, beliau difahamkan projek pembinaan sudah 90 peratus siap.

Katanya, selain pembinaan rumah baharu serta ladang getah, pihak TNB juga sedang menyediakan infrastruktur yang diperlukan seperti sekolah, surau, dewan, lot kedai dan balai rawatan.